

'Tangani segera isu

BH 17 DEC 2000

Oleh ZULKOFI
JAMALUDIN, ZAINUDDIN
ISA, SALINA ABDULLAH
dan JOHARI IBRAHIM

KUALA LUMPUR: Pemimpin masyarakat dan tokoh politik meminta kerajaan dan Barisan Nasional (BN) menyelesaikan segera isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) untuk mengelak ketegangan sehingga menjejaskan keharmonian kaum.

Menurut mereka, isu sensitif itu agak bahaya dan perlu diselesaikan dalam forum tertutup seperti Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) dan mesyuarat pemimpin BN.

Keadaan mungkin bertambah tegang apabila Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) membuat 'serangan' balas jika Suqiu tidak menarik balik tuntutan.

Ahli Penasihat Perpaduan Negara, Datuk Lee Lam Thye, meminta Suqiu, GPMS serta masyarakat berbilang kaum menyerahkan masalah itu kepada kerajaan untuk diselesaikan.

Katanya, walaupun negara mengamalkan demokrasi berparlimen, rakyat tidak harus membangkitkan sebarang perkara sensitif yang termaktub dalam Per-

lembagaan Persekutuan dan lagu Negaraku secara terbuka.

"Masalah ini perlu dibincangkan dalam forum tertentu, termasuk Majlis Perundingan Ekonomi kerana semua kaum mempunyai wakil masing-masing dan bebas menyuarakan pandangan.

"Sekiranya pihak berkuasa tidak mampu, rakyat perlu menunggu sehingga pilihan raya bagi menentukan secara rasional sama ada tuntutan itu boleh diterima atau sebaliknya," katanya.

Bagi mengurangkan ketegangan, katanya, semua pertubuhan dan pemimpin politik perlu berhenti membuat kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian kaum.

"Perkara sensitif, jika dibincangkan secara terbuka dan berterusan, akan menimbulkan ketegangan dan menjejaskan keharmonian yang kita pupuk sejak mencapai kemerdekaan," katanya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula meminta Suqiu dan pihak lain tidak membincangkan secara terbuka isu sensitif yang menyentuh keistimewaan sesuatu kaum.

Beliau berkata, sekiranya perkara yang sensitif itu masih mahu diperdebatkan, ia harus dilakukan di dalam forum tertutup yang disertai pihak berkaitan.

Dr Ling berkata, sebahagian besar daripada 83 tuntutan Suqiu adalah membabitkan isu sejagat seperti banteras rasuah, alam sekitar, hak wanita, membasmi kemiskinan dan hak asasi manusia.

"Jika 98 peratus rayuan itu isu sejagat, mengapa perlu ditarik balik semua. Hanya dua peratus (rayuan) membabitkan isu sensitif dan mereka (Suqiu) perlu menarik balik daripada menjadikannya perbincangan umum.

"Jika mereka mahu bincang juga, kita adakan forum tertutup. Saya percaya (Pergerakan) Pemuda Umno pun suka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Chin Woo dan Kempen Mencegah Pil Ecstasy, di Alor Star, semalam.

Sebelum ini beliau ada meminta Suqiu membincangkan perkara berkaitan kaum Melayu dalam mesyuarat Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) yang bertanggungjawab membincang dasar jangka panjang mengenai ekonomi dan negara.

"Saya berjumpa mereka (Suqiu) sebelum pilihan raya (1999), dan menurut mereka perkara mengenai kaum Melayu itu adalah isu jangka panjang manakala yang lain isu jangka pendek.

"Jadi saya meminta mereka membincangkan perkara itu (isu jangka panjang) di Mapen kera-

na ia majlis tertutup," katanya.

Dr Ling juga meminta semua pihak bertenang menghadapi isu berkenaan kerana sejarah membuktikan rakyat Malaysia mampu menyelesaikan pelbagai isu sejagat dengan baik," katanya.

"Kita pernah ada masalah sebelum ini dan boleh diselesaikan dengan baik," katanya.

Ahli Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon, berkata dalam menghadapi persaingan perdagangan yang lebih mencabar sejajar era globalisasi, rakyat, termasuk Suqiu harus meningkatkan daya saing.

Beliau berkata, hanya melalui cara itu taraf negara dan setiap kaum di negara ini akan bertahan dan berkembang selaras kehendak semasa.

"Tidak kira apa hak yang diberikan kepada kaum tertentu. Yang penting, ekonomi perlu kukuh dan politik stabil kerana hanya dengan keadaan itu, peluang perniagaan akan semakin meningkat," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Sebagai contoh, katanya, kejayaan rakyat dan negara apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan pada 2003, tidak bergantung kepada hak keistimewaan yang diberikan kepada sesuatu kaum sebaliknya keupayaan dan daya saing setiap

tuntutan Suqiu'

yang terbabit.

Mengenai perkataan Suqiu, beliau berkata ia disebut sebagai suchiew, perkataan Mandarin yang bermaksud badan atau jawatankuasa rayuan. Berasal daripada perkataan dasar, sangsu atau rayuan, beliau menafikan Suqiu dibaca sebagai suci.

Memorandum 17 tajuk mengandungi 83 tuntutan yang dikemukakan oleh Suqiu pada 16 Ogos 1999 itu menjadi kontroversi dan disifatkan mencabar kontrak sosial apabila hak keistimewaan Melayu disentuh.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat jika semua tuntutan Suqiu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan negara ini.

Pengerusi Tetap Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, pula berkata masyarakat berbilang kaum tidak scharusnya meletakkan tekanan terhadap kerajaan untuk memenuhi segala tuntutan mereka.

"Kita hidup perlu saling hormat-menghormati dan menggunakan saluran yang ada untuk menyelesaikan sebarang tuntutan.

"Pada masa yang sama, kaum

lain tidak harus mengungkit mengenai hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan," katanya sambil menambah kaum lain berani membuat tuntutan itu kerana melihat orang Melayu sudah berpecah.

Melihat keadaan itu, katanya, orang Melayu perlu bersatu dan mengukuhkan kembali kuasa politik untuk menghadapi sebarang ancaman yang boleh menggugat masa depan mereka.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Shahrir Abdul Samad, berkata BN perlu membincangkan tuntutan Suqiu secara serius kerana jika dibiarkan ia boleh memudaratkan perpaduan kaum yang terbina selama ini.

Katanya, parti komponen BN perlu mengkaji dengan mendalam tuntutan itu, termasuk latar belakang dan permintaan sebenar Suqiu.

Sambil menyifatkan isu itu berbahaya jika tidak ditangani segera, Shahrir juga berpendapat, MT Umno harus segera membincang isu tuntutan berkenaan.

"Saya tidak ingat selama ini MT ada membincangkannya. Kalau ada, tentu ada kertas perbincangan dan maklumatnya.

"BN pula saya difahamkan lagi kurang bermesyuarat. Selalunya,

mesyuarat Kabinet seolah-olah itu juga mesyuarat dan keputusan BN. Sepatutnya, mesyuarat BN dan Kabinet berasingan," katanya.

Ditanya sama ada isu mempertikaikan hak Melayu itu semakin meruncing, Shahrir berkata, ia boleh diselesaikan kerana ada di antara tuntutan Suqiu tidak munasabah.

Malah, katanya, jika tuntutan itu membabitkan hak keistimewaan orang Melayu, kumpulan itu tidak perlu membahaskannya kerana ia termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Mengenai ada orang Melayu di sebelah parti pembangkang yang menyokong tuntutan Suqiu itu, Shahrir berkata: "Mereka mungkin berbuat demikian kerana sebahagian orang Melayu mempersoalkan dasar kerajaan dan Umno memperjuangkan hak orang Melayu.

"Ini masalah kredibiliti kerajaan dan parti kerana walaupun hak istimewa ada dalam Perlembagaan, pelaksanaan dasar ke arah itu tidak begitu tegas."

Katanya, beliau bimbang tuntutan Suqiu itu juga akan menjadi 'duri dalam daging' di kalangan orang Melayu, selagi isu perpecahan Melayu sendiri tidak diselesaikan terlebih dulu.